

KESAN KENAIKAN KADAR DASAR SEMALAMAN (OPR) OLEH BNM

ROZIHANIM SHEKH ZAIN & NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI

FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN, UiTM KAMPUS ARAU & UiTM KAMPUS REMBAU


Kenaikan dasar semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 8 September 2022 kepada 2.50 peratus dilihat akan memberi kesan kepada peminjam bagi pinjaman kadar terapung dan kesannya akan lebih dirasai oleh golongan B40.

Kadar faedah bank kepada pelanggan ditentukan oleh OPR. Semakin tinggi OPR yang ditetapkan oleh kerajaan semakin tinggi kadar faedah yang ditawarkan kepada pelanggan. Sebaliknya, jika OPR mempunyai kadar penurunan, maka kadar faedah juga akan turun. OPR menentukan dasar monetari negara dan memastikan semua bank mempunyai wang yang mencukupi untuk menampung permintaan di pasaran. Disebabkan kepentingan OPR di dalam sistem perbankan, perubahan OPR memberi impak yang sangat besar kepada faktor-faktor ekonomi yang lain seperti peluang pekerjaan, inflasi harga barangan dan secara tidak langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Ketika Covid-19 melanda, terdapat banyak sektor pekerjaan yang terjejas dan ini menyebabkan ramai orang tidak mampu berbelanja. Selain itu, banyak perniagaan juga turut terjejas serta mengalami kerugian. Pada ketika itu, BNM telah menurunkan OPR bagi tujuan mengukuhkan ekonomi negara. OPR diturunkan agar pinjaman-

menjadi lebih murah dan ansuran bayaran bulanan untuk pinjaman individu dan perniagaan akan menjadi lebih kecil atau berkurang. Oleh itu, wang yang berlebihan di tangan pengguna boleh digunakan untuk perbelanjaan dan simpanan dan ini akhirnya menyumbang kepada pergerakan ekonomi yang lebih rancak. Perniagaan menjadi lebih maju dan lebih banyak peluang pekerjaan dan pelaburan dapat dijalankan.

Walaupun begitu, OPR pada tahap yang rendah terlalu lama akan menyebabkan pinjaman dan perbelanjaan secara berlebihan. Ini boleh menyebabkan kenaikan harga barang dan ini memberi kesan dan menjejaskan isi rumah yang berpendapatan rendah dan tetap. Semua ini terjadi ketika negara dan seluruh dunia diserang oleh virus covid-19 dan BNM perlu menurunkan OPR. Memandangkan pada ketika ini Malaysia berada dalam situasi endemik Covid-19 dan ekonomi negara sekarang semakin pulih. BNM pada masa ini sedang melaraskan kadar OPR secara beransur-ansur dan terkawal selaras dengan negara-negara lain di dunia khususnya negara ASEAN. Bank pusat negara lain juga pada masa yang sama telah menaikkan kadar OPR mereka dengan lebih besar dan cepat untuk merangsang ekonomi negara masing-masing. Data di bawah menunjukkan prestasi OPR di negara-negara ASEAN.




Sumber: Bank Negara Malaysia

Data menunjukkan terdapat negara yang mengalami kenaikan, berada di tahap kekal dan menjalankan pemotongan OPR. Antara OPR yang tertinggi adalah Myanmar sebanyak 7.00 peratus, ini adalah disebabkan oleh ekonomi Myanmar yang tidak stabil dan juga oleh ketidakstabilan keadaan politik semasa. Selain daripada itu, Bank Pusat Eropah juga buat pertama kalinya telah menaikkan OPR dalam masa 11 tahun dan ini menunjukkan betapa ekonomi global berada di tahap yang meruncingkan serta sangat membimbangkan.

Berdasarkan data di bawah, sebelum Covid-19, OPR di Malaysia adalah pada kadar 3 peratus. Namun, setelah negara dihimpit dengan masalah Covid-19 dan kerajaan telah melaksanakan Pergerakan Kawalan Perjalanan (PKP) pada jangkamasa yang agak lama, trend OPR menurun dari masa ke masa sehingga mencecah kepada 1.75 peratus. BNM telah mengurangkan OPR sebanyak 125 mata asas secara kumulatif daripada 3 peratus kepada 1.75 peratus, iaitu kadar OPR yang terendah dalam sejarah dan kadar ini kekal hingga tahun 2022. Namun begitu, mulai dari bulan Mei 2022 kadar OPR naik sedikit demi sedikit sehingga yang terkini kepada 2.50 peratus pada September 2022.

Berikut adalah data penurunan dan kenaikan OPR oleh BNM sebelum dan selepas Covid-19.



Sumber: Bank Negara Malaysia

Menurut BNM, kenaikan sebanyak 25 mata asas daripada 2.25 peratus kepada 2.50 peratus bertujuan untuk membantu mengelakkan permintaan dalam negeri yang berlebihan, yang boleh menambah tekanan inflasi. Ini juga bertujuan bagi mengelak kenaikan kadar faedah pinjaman bank yang lebih agresif pada masa hadapan.

Apabila OPR dinaikkan, kos pinjaman dan ansuran bayaran bulanan bagi pinjaman berkadar terapung akan meningkat dan secara teorinya kadar simpanan juga dijangka akan meningkat disebabkan oleh kadar faedah yang tinggi diberi untuk simpanan ke atas akaun pelanggan. Ini menggalakkan simpanan dan mengurangkan perbelanjaan yang berlebihan. Secara tidak langsung ini dapat membantu mengawal risiko kenaikan harga yang disebabkan oleh pinjaman dan perbelanjaan yang terlalu banyak.

Namun, apa yang merisaukan adalah kesan segera peningkatan OPR ini kepada rakyat, kerana ini akan meningkatkan lagi bebanan hidup mereka dengan kos pinjaman yang semakin meningkat. Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang disasarkan untuk membantu menambah pendapatan golongan B40 akhirnya akan digunakan untuk membayar peningkatan dalam kos pinjaman dan disalurkan semula kepada pihak bank. Namun jika dikekalkan kadar ansuran bayaran bulanan yang lama, tempoh pembayaran balik akan menjadi lebih panjang.

Kenaikan kadar deposit berikutan kenaikan OPR seharusnya memberi kebaikan kepada rakyat untuk mendapat faedah dari deposit yang disimpan di bank. Namun kenaikan ini ditakuti tidak dapat memberi manfaat kepada golongan yang berpendapatan rendah disebabkan kesan penambahan kos ansuran bayaran pinjaman.

Selain daripada itu, kenaikan kos pinjaman turut memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah dan peluang pekerjaan yang mengucup walaupun BNM mengatakan bahawa kenaikan OPR akan berupaya untuk menstabilkan harga dan menggalakan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan. Namun, ini akan mengambil masa yang lebih panjang untuk berlaku. Kesannya mungkin tidak dirasai untuk jangkamasa pendek, namun dalam jangkamasa panjang tidak dinafikan ia akan berupaya mewujudkan kestabilan dalam permintaan dan penawaran barangan serta perkhidmatan dengan tadbir urus yang berkesan.

BNM berkemungkinan akan menaikkan lagi kadar OPR pada masa terdekat untuk menyekat kenaikan inflasi yang lebih tinggi. Selain daripada itu, kenaikan OPR juga dilihat sebagai salah satu instrumen untuk mengawal atau menstabilkan nilai matawang Ringgit Malaysia yang semakin susut nilainya akhir-akhir ini. Jika dibiarkan kadar inflasi pada tahap yang terlalu tinggi ia boleh menghakis nilai Ringgit Malaysia.

Selain daripada itu, peningkatan OPR kepada 2.50 peratus ini sememangnya akan memberi kesan kepada pemaju hartanah kerana apabila kadar ansuran meningkat, ia akan membuatkan pembeli teragak-agak untuk membeli rumah. Tambahan pula dengan syarat kelayakan yang akan menjadi semakin tinggi dan diperketat oleh pihak bank.

Oleh itu, golongan berpendapatan kecil dan sederhana perlu lebih berjimat untuk hal-hal lain bagi menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat. Peniaga kecil akan menaikkan sedikit harga untuk menampung peningkatan perbelanjaannya kesan daripada peningkatan OPR. Di dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu dan sukar ketika ini, pengguna dinasihatkan supaya berbelanja dengan lebih berhemah.

Diharapkan langkah BNM menaikkan OPR merupakan langkah yang tepat untuk memastikan ekonomi negara terus berkembang dan kadar inflasi dapat diturunkan. Namun apa yang ditakuti adalah langkah ini didapati terlalu awal dan akan menyebabkan penguncupan ekonomi dan menjejaskan perwujudan peluang pekerjaan disaat yang amat diperlukan pada ketika ini.

